



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**13 Januari 2023
20 Jamadilakhir 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Kilang ais tutup jejaskan nelayan
The Star (Starmetro)	•
The Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	25	13-01-2023

Kilang ais tutup jejaskan nelayan

Sinar ms 25 13hb

Kos meningkat berikutan terpaksa mendapatkan bekalan ais dari Terengganu

Oleh NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN KUANTAN

Nelayan di daerah ini terpaksa mendapatkan bekalan ais blok dari tempat yang jauh untuk meyimpan hasil tangkapan mereka berikutan sebuah kilang ais di Kemunting, Tanah Putih Baru di sini diarah tutup sejak 23 Disember lalu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kuantan, Talib Husin berkata, sepanjang tempoh penutupan itu, nelayan terpaksa mendapat bekalan ais blok dari Terengganu seperti Dungun dan Besut.

Menurutnya, keadaan itu sedikit sebanyak menjejaskan aktiviti nelayan selain terpaksa menanggung peningkatan kos. "Masalah ini masih terkawal dan bukan menjadi faktor utama kepada kekurangan bekalan ikan yang berlaku, sebaliknya disebabkan faktor Monsun Timur Laut.

"Sekiranya masalah kekurangan ais blok ini berlaku pada waktu puncak, ia akan menimbulkan masalah besar kerana dalam tempoh itu selalu-

nya berlaku lambakan ikan dan memerlukan bekalan ais blok mencukupi," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Talib berkata, penutupan kilang ais itu diharap tidak berpanjangan dan dapat dibuka kembali dalam masa terdekat.

Menurutnya, penggunaan ais blok penting buat nelayan bagi membolehkan ikan disimpan dalam keadaan baik sepanjang berada di laut beberapa hari.

"Walaupun nelayan boleh membeli ais kiub, kos akan bertambah selain ais jenis berkenaan tidak tahan lama berbanding ais blok," katanya.

Talib memberitahu, setakat ini, kira-kira 800 nelayan berdaftar di bawah Persatuan Nelayan Kuantan melibatkan anggaran 500 buah bot.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Indera Dr Nor Azimi Yunus berkata, arahan penutupan kilang tersebut susulan pencemaran mikroorganisma *Pseudomonas aeruginosa* yang dikesan dalam sampel ais blok.

Menurutnya, kewujudan mikroorganisma di dalam produk ais itu seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 25 A, Akta Makanan 1983.

"Susulan itu, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) telah menjalankan aktiviti merampas peralatan di bawah Seksyen 4(1) (g), Akta Makanan 1983 di pre-




Aktiviti pendaratan ikan di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di Kemunting, Tanah Putih Baru, Kuantan berjalan seperti biasa walaupun berlaku gangguan bekalan ais.



TALIB



NOR AZIMI



Pemeriksaan ke atas sampel ais blok dihasilkan kilang di Kemunting mendapati ia dicemari mikroorganisma *Pseudomonas aeruginosa*.

mis penyediaan ais blok untuk ikan berkenaan pada 23 Disember lalu.

"Keputusan sampel ais blok yang diterima pada 15 Disember menunjukkan berlaku pencemaran mikroorganisma *Pseudomonas aeruginosa* manakala pensampelan ulangan juga telah dijalankan dan keputusan masih menunjukkan pencemaran mikroorganisma di dalam sampel ais bloknya.

"Justeru, premis tersebut

tidak dibenarkan menjalankan sebarang aktiviti penjualan ais blok sehingga keputusan sampel ais mematuhi piawaian yang ditetapkan di bawah Akta Makanan 1983 dan lesen ais blok yang sah diperolehi dari

KKM," jelas beliau.

Nor Azimi berkata, premis akan dibenarkan beroperasi semula setelah sampel ais blok dan lesen mematuhi keperluan yang ditetapkan di bawah Akta Makanan 1983.